

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 28.10.2014

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru bukan berbangsa cina yang dihantar ke China untuk mempelajari Bahasa Mandarin, perbelanjaan dan perancangan untuk guru-guru tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan pelajar di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bukan berbangsa Cina yang dihantar ke China untuk mempelajari Bahasa Mandarin dari tahun 2007 adalah seramai 409 orang daripada keseluruhan 416 orang pelajar. Anggaran kos pelajar bagi satu tahun pengajian adalah sebanyak RM 30,080.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah tamat pengajian di peringkat ijazah, pelajar ini akan mengikuti Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) di Institut Pendidikan Guru selama satu (1) tahun ke satu setengah (1½) tahun dan akan ditempatkan di sekolah di bawah KPM.